



**KENYATAAN MEDIA  
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

**16 Mac 2020**

1. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan tersebut di negara ini.
2. Pada hari ini, 16 Mac 2020, sebanyak **4** lagi kes baru telah disahkan dijangkiti COVID-19 yang membawa **jumlah keseluruhan kes di negara ini kepada 54 orang**. 3 daripada kes baru tersebut adalah mereka yang dikategorikan sebagai kes generasi kedua kepada kluster tabligh di Kuala Lumpur iaitu mereka yang dijangkiti bukan secara langsung dari jemaah tabligh yang menghadiri perkumpulan di Kuala Lumpur tetapi melalui kes-kes yang mempunyai kaitan rapat dengan jemaah tabligh. Dalam pada itu, terdapat juga satu kes yang diimport dari luar negara.
  - Kes 51, berumur 29 tahun ialah rakan kerja kepada Kes 37 di mana Kes 37 adalah di antara yang tergolong generasi pertama kluster tabligh. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan tidak mengalami sebarang tanda-tanda jangkitan.

- Kes 52, berumur 27 tahun ialah isteri kepada Kes 43 di mana Kes 43 adalah di antara yang tergolong generasi pertama kluster tabligh. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah mula mengalami batuk, selsema, sakit kepala dan rasa letih pada 12 Mac 2020.
  - Kes 53 ialah seorang lelaki warga British berumur 42 tahun yang mempunyai keluarga di Negara Brunei Darussalam dan beliau telah tiba ke negara ini pada 9 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI004. Sebelum tiba ke Negara Brunei Darussalam, beliau telah pergi ke Switzerland dan beberapa bandaraya di United Kingdom. Beliau mula mengalami demam panas, sakit tekak, batuk, selsema dan sesak nafas pada 14 Mac 2020.
  - Kes 54, berumur 39 tahun adalah kontek kepada Kes 30 di mana Kes 30 adalah di antara yang tergolong generasi pertama kluster tabligh. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah mula mengalami batuk dan sakit tekak pada 12 Mac 2020.
3. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua kes-kes yang telah disahkan sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Seorang daripadanya dalam keadaan kritikal, memerlukan bantuan mesin pernafasan dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif di Pusat berkenaan. Namun beliau adalah dalam keadaan yang stabil. Sementara dua kes lagi memerlukan pemantauan rapi dan selebihnya di dalam keadaan baik dan stabil.

4. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan mengalu-alukan penderma-penderma darah untuk tampil menderma darah bagi membantu meningkatkan bekalan yang sangat diperlukan di Tabung Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Penderma-penderma darah bolehlah menghubungi talian 2242424 sambungan 5745 untuk mendapatkan jadual penjanjian terlebih dahulu.
  
5. Kementerian Kesihatan pada masa ini masih giat menjalankan penyiasatan kontek bagi setiap kes. Setakat ini, sebanyak 1,013 orang telah diarahkan untuk menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Sementara itu, sejak wabak COVID-19 bermula pada awal Januari 2020, sebanyak 1,312 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.
  
6. Berikutan dengan pengumuman semalam mengenai tegahan keluar negara bagi seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, orang ramai yang memerlukan maklumat lanjut mengenainya boleh menghubungi talian 2235962 atau 2235953 dari jam 7.45 pagi hingga 4.30 petang pada hari-hari berkerja sahaja atau mengisi borang A bagi pemegang Kad Pengenalan Negara Brunei Darussalam yang bukan Warga Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun; Borang B bagi warga perkhidmatan awam dan badan berkanun dan Borang C bagi Permohonan Keluar Negeri Bagi Syarikat Perniagaan. Borang-Borang ini boleh didapati dari laman sesawang Jabatan Perdana Menteri iaitu [www.pmo.gov.bn](http://www.pmo.gov.bn) dan e-mel kepada [travelapplication@jpm.gov.bn](mailto:travelapplication@jpm.gov.bn), dengan menyertakan salinan dokumen-dokumen dukungan (*scanned copies*). Dalam pada itu, sukacita dimaklumkan bermula pada hari ini, **waktu beroperasi bagi Pos-pos Kawalan Imigresen melalui darat akan dipendekkan bermula dari jam 6 pagi hingga 10 malam.**

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2  
Tarikh : 21 Rejab 1441H / 16 Mac 2020M